

05 JUL 2003

Sulaiman-meninggal (UPDATE 1)

SULAIMAN NINAM SHAH MENINGGAL DUNIA

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Pengerusi Tetap Umno, Tun Sulaiman Ninam Shah, meninggal dunia di Pantai Medical Centre di sini hari ini.

Sulaiman, 83, yang menghidap leukemia, meninggal dunia pada 5 pagi tadi, demikian menurut anaknya, Hassan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menziarahi jenazah Sulaiman di kediamannya di Jalan 14/47, Petaling Jaya pada 9.30 pagi tadi.

Jenazahnya kemudian dibawa ke tempat lahirnya di Muar, Johor, dan selamat dikebumikan di tanah perkuburan Islam Bakri, 9km dari kediamannya, petang ini.

Kaum keluarga, sahabat handai dan pemimpin-pemimpin parti turut mengiringi jenazah ke tanah perkuburan dari kediaman beliau di Jalan Abdul Rahman.

Mufti Johor Datuk Noh Gadut mengetuai tahlil dan bacaan doa di pusara.

Turut menziarahi jenazah Allahyarham di kediaman beliau di Muar ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sulaiman, yang menjadi pengerusi tetap Umno sejak 1975, meninggal dunia hanya dua minggu selepas parti itu mengadakan perhimpunan agungnya yang ke-54 dari 17 hingga 21 Jun lepas.

Oleh kerana keadaan kesihatannya yang tidak mengizinkan, beliau tidak dapat menghadirinya.

Selama 28 tahun beliau menjadi Pengerusi Tetap Umno, Sulaiman tidak pernah gagal menghadiri perhimpunan agung parti itu.

"Saya rasa dukacita tidak dapat hadir, lebih-lebih lagi pada kali akhir Dr Mahathir menjadi Presiden Umno dan Perdana Menteri, sepatutnya saya mesti ada bersama-sama sebab tempoh saya akhir tahun hadapan tapi apa boleh buat kesihatan saya tidak mengizinkan," katanya dalam temubual dengan Bernama pada 18 Jun lepas

-- wawancara terakhir beliau dengan media.

Walaupun kelihatan lemah semasa temubual itu, namun beliau menunjukkan semangat yang kuat untuk bercerita mengenai Umno.

"Saya disuruh ke Pantai (Medical Centre) esok atau lusa ambil rawatan lagi sebulan," katanya ketika itu.

Beliau terlantar lebih dua bulan di hospital sebelum itu kerana penyakitnya itu.

Dalam temubual itu, Sulaiman menasihatkan anggota parti agar terus bersatu dan memberi sokongan padu kepada pucuk pimpinan Umno dan sentiasa setia kepada parti.

"Anggota-anggota Umno juga, janganlah ketepikan veteran-veteran kerana merekalah yang memperjuangkan hak orang Melayu sebelum ini," katanya.

-- BERNAMA

ARA AZZ MNY MAI